

# Dikelilingi Kehijauan Alam Penginapan Mewah Di Philea Resort & Spa

Oleh **MISROM MATLEHAM**

**AYER KEROH**, 21 Okt - Sentuhan senibinanya yang unik dengan menggunakan kayu pokok phine sebagai komponen utama menjadikan Philea Resort & Spa begitu unik malah cukup mendamaikan sekali kerana ia dikelilingi kehijauan alam bagi mencetuskan suasana penginapan yang eksklusif sekali!

Sewajarnya Philea Resort & Spa bertaraf 5 bintang menerima beberapa pengiktirafan berprestij seperti anugerah 'First Log Resort' dan 'Largest Log Resort' dari Malaysia Book of Records; 'Best Green Hotel' dari Persatuan Pelancongan Melaka; 'Creative Brand Industry of the Year' oleh Global Golden

Brand Award; 'Excellent Award for Landscape Design and Planning' oleh Institute of Landscape Architects Malaysia (ILAM) dan terbaru anugerah dari Hotel Club Malaysia Hotel Awards 2012 'Finalist for the Top Green Hotel in Melaka'.


Philea Resort & Spa dibina dengan konsep mesra alam dengan menampilkan landskap indah dihiasi 3,000 pokok hijau dan bunga-bunga segar, selain menggunakan kayu lama pelapik landasan keretapi sebagai pagar serta dekorasi utama di lobi hotel!

Anda pastinya akan berkata wow! sebaik melangkah ke lobi dan keterujaan pastinya berpanjangan bila anda berjalan

atau menaiki buggy menuju ke bilik penginapan serba eksklusif kerana serba-serbanya begitu mengujakan!

Pengalaman menginap di Philea Resort & Spa pastinya begitu indah dan manis sekali kerana anda berpeluang tidur di bilik-bilik mewah sama ada di Pavilion Room (180 unit); Philea Suites (19 unit) atau Royal Villa (dua unit) di mana setiap unit penginapan memiliki sentuhan dekorasi dan fasiliti berbeza.

Hendak menikmati menu istimewa, beraneka sajian menanti anda sama ada di Cravo Cravo; Bayu Cabana; Chillout Bar atau Tropics Lounge kerana setiap satunya berbeza dari aspek penyajian makanan



Kedamaian malam di Philea Resort & Spa yang terletak kira-kira 5 minit dari plaza Tol Ayer Keroh




Rimbunan pepohon hijau menjadi sebahagian dari landskap yang cukup mengujakan di Philea Resort & Spa

kerana Philea Resort & Spa sentiasa memberikan kelainan kepada setiap pengunjung yang singah bermalam.

Sekiranya anda berhasrat menerokai pengalaman indah penginapan mewah di hotel eksklusif di pinggir bandarayas, layari

[www.phileahotel.com.my](http://www.phileahotel.com.my) atau hubungi Telefon: 06-289 3399, Fax: 06-233 2299 atau [www.phileahotel.com.my](http://www.phileahotel.com.my)



Dekorasi indah di sebuah bilik penginapan



**Steamy Hot Pot  
with Ultimate Relaxation**

For reservations, call 06-233 3399

[www.phileahotel.com.my](http://www.phileahotel.com.my)



**PAKEJ ISTIMEWA DI KINGS HOTEL- DALAM MHI ESOK**